

21 MAR 1997

Nik Aziz-Mahathir

LAWATAN DR MAHATHIR KE KELANTAN RAHMAT BAGI RAKYAT

KOTA BAHARU, 21 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 4 April ini merupakan rahmat kepada rakyat.

"Ini menandakan pergeseran antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri pimpinan Pas yang selama ini tidak menguntungkan mana-mana pihak, semakin reda," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah Jumaat di sini hari ini.

Semalam Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa menyatakan bahawa lawatan kerja sehari Dr Mahathir ke Kelantan kali ini agak berbeza daripada lawatan-lawatan terdahulu kerana ia tidak mempunyai aturcara politik.

Nik Abdul Aziz dijadual akan turut bersama-sama pegawai kerajaan negeri untuk menyambut ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini pada jam 8.45 pagi itu.

Sehubungan dengan lawatan, Nik Abdul Aziz berkata beliau akan menghadiri majlis taklimat yang akan disampaikan oleh Pengerusi Koperasi Usaha Bersatu (KUB) Datuk Hassan Harun dalam sehari dua ini.

Katanya, selepas itu beliau akan menyusun program seterusnya bagi pihak kerajaan negeri dan rakyat Kelantan untuk sambutan lawatan Dr Mahathir.

Dr Mahathir dijangka menghadiri majlis menanda tangani perjanjian melaksanakan projek usahasama petrokimia antara KUB dengan Keloil, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ikhtisad Negeri Kelantan di Bachok.

Projek raksasa itu membabitkan perbelanjaan lebih RM2,000 juta yang melibatkan kawasan lebih 2,000 hektar di pantai Senak. -- BERNAMA

WM NMO